

TARIKH	JUMAAT, 11 APRIL 2025
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	INTAN TERUS MENAKHODAI PERKHIDMATAN AWAM NEGARA
M/S	15
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	WORK, MANAGEMENT

Rencana

Utusan Malaysia
JUMAAT • 11 APRIL 2025 15



INTAN terus menakhodai perkhidmatan awam negara



DITUBUHKAN sejak 65 tahun lalu, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dilihat sebagai pusat rujukan dan pakar dalam menginterpretasikan setiap ilmu pengurusan kepada hampir 2.3 juta kakitangan awam.

“Kelahiran INTAN sebagai peneraju dalam melahirkan para pegawai perkhidmatan awam merupakan salah satu inisiatif kegemilangan dan kemakmuran Malaysia.”

di Kemaman, Terengganu manakala Kampus Wilayah Selatan dinamakan dengan gelaran IKWAS di Kluang, Johor.

Keprihatinan kerajaan dalam mentransformasikan sektor awam telah membuka ruang dalam pembinaan kampus utama INTAN, di Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Kini, kampus utama ini menjadi gedung ilmu yang mewasiatkan pelbagai adunan ilmu pentadbiran dan pengurusan awam.

Kerajaan juga tidak meleraikan sebegitu sahaja bumi di bawah bayu dan bumi kenyalang. Pada 1999, Kampus Sarawak (INSARA) di Kota Samarahan ditubuhkan manakala sang bayu dapat dihirup di Kampus Sabah (INSABAH), Kota Kinabalu. Dari Perlis ke Sabah kini dilengkapi dengan INTAN

yang menjadi permata sektor awam negara.

65 tahun menyaksikan kelahiran sebuah institusi kerajaan yang bergelar INTAN sebagai pustaka bersejarah dalam mencorak dan melahirkan modal insan yang berupaya membangunkan negara.

Dengan mendukung aspirasi hampir 2.3 juta kakitangan awam, INTAN dilihat sebagai pusat rujukan dan pakar dalam menginterpretasikan setiap ilmu pengurusan awam.

INTAN menjadi sebuah organisasi yang menjadi harapan setiap rakyat Malaysia dalam memastikan setiap kakitangan awam yang bertugas disegenap pelosok negara menjadi warga kerja yang berdisiplin, berintegriti, berpengetahuan dan menjadi rakan taulan ketika mereka berurusan di kaunter-kaunter perkhidmatan.

Berkonsepan pembelajaran sepanjang hayat, tempoh 65 tahun ini memantangkan INTAN sebagai sebuah pusat latihan perkhidmatan awam yang berprestise.

Pelbagai ilmu kepimpinan dan gaya pengurusan sama ada dari pendita tempatan mahupun pemimpin luar negara digarap dan diwahyukan kepada para pegawai awam yang sentiasa mendahagakan ilmu baharu.

Program dan kursus jangka pendek dan jangka panjang yang diklasifikasikan sebagai lima bintang sentiasa menjadi

pilihan. Ini menjadikan INTAN sebagai tapak sediaan sektor awam negara.

Kelahiran tokoh-tokoh awam yang berupaya menghayati naluri setiap penduduk Malaysia dapat dilihat di setiap sektor awam. Kini perkhidmatan sektor awam dipercayai dan disenangi oleh setiap rakyat Malaysia, asasnya adalah INTAN.

Namakan sahaja mana-mana sektor awam atau kementerian di negara kita, tiada satu pun yang dipinggirkan oleh INTAN.

Sektor pertanian, psikologi, kesihatan, seni kreatif, pendidikan, kewangan, pengurusan kuarantin haiwan dan banyak lagi sub sektor kerajaan dalam sistem anak murid INTAN.

INTAN sebagai 'tok guru' yang bertauliah mampu mencurahkan ilmu demi kemakmuran negara. Pelbagai teknik mudah yang mampu difahami, ditaburkan kepada para peserta kursus agar perkhidmatan awam menjadi penerus kegemilangan negara tercinta ini.

SELARI PEREDARAN ZAMAN

Kepesatan dunia teknologi dengan kecerdasan buatan (AI), tidak pernah melumpuhkan langkah-langkah INTAN. Kepersiapsagaan INTAN dapat dilihat dalam kursus dan sistem pengurusan kursus. Sistem Pengurusan dan

Informasi Digital (DTIMS), pendaftaran seminar dan bengkel dalam talian (i-EMG), E- Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) serta pangkalan data dalam talian menjadi saksi utama pendigitalan telah lama menjadi pegangan para pemimpin pengurusan tertinggi di INTAN.

Lautan digital tidak pernah dibiarkan sebegitu sahaja, ia diharungi dan dinahkodahkan dengan pelbagai kursus dalam melahirkan para pegawai awam yang mahir digital.

Pelbagai kursus dilontarkan dan dijadikan sebagai asasi dalam mendigitalkan sektor awam. Kelahiran pakar pendigitalan negara adalah bertujukan ilmu yang diwarisi daripada para pakar digital di INTAN.

Kerelevanan INTAN sentiasa dikaji oleh pemimpnannya. Kajian kepuasan pelanggan dijadikan sebagai rujukan. Hasil kajian jelas menunjukkan INTAN mendapat skor purata penilaian 6.60 dalam semua bidang.

Misalnya, penilaian penyampaian pencapaian kursus pada tahun 2023, menunjukkan INTAN mendapat 6.71 skor iaitu skor lebih daripada skor minima 5.5 pada skala 1 hingga 7.

Jelas, INTAN sentiasa menyediakan kursus-kursus yang bertepatan dan seiring dengan peredaran zaman dan memenuhi keperluan para pesertanya. Kajian berterusan sentiasa dijalankan agar kualiti dan mutu latihan yang ditawarkan adalah setaraf dengan aspirasi Madani dalam mentransformasikan perkhidmatan awam negara.

Kelahiran INTAN sebagai peneraju dalam melahirkan para pegawai perkhidmatan awam merupakan salah satu inisiatif kegemilangan dan kemakmuran Malaysia.

INTAN akan terus mengibarkan sayapnya dalam membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara maju, progresif dan berdaya saing dalam acuan kita sendiri dengan melahirkan lebih ramai kakitangan awam yang berwasawan dan memaknai konsep madani. INTAN sentiasa akan kekal sebagai nakhoda perkhidmatan awam negara.

T. Elansegaran adalah Pensyarah Akademik dari Kolej Matrikulasi Pahang.

DISEDIAKAN
OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM